

Ahad 9 Februari, 2003 5

22 pelajar dan ahli akademik UH ke Sabah pelajari Program FMU

OLEH AWANG AHMAD

SANDAKAN: Sekumpulan 22 orang pelajar dan ahli-ahli akademik di bidang perhutanan Universiti Hamburg (UH), Jerman akan mengadakan lawatan ke negeri ini bagi tujuan mendapat pengetahuan berhubung Program Pengurusan Hutan Berkekalan (FMU) yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Perhutanan Sabah.

Pegawai Perhubungan dan Akhbar Jabatan Perhutanan Negeri, Puan Masniah Osman berkata, rombongan itu akan disertai oleh tiga orang profesor dalam bidang-bidang berkaitan diketuai oleh Prof. Dr. Jochen Heuveloop.

"Mereka akan memulakan lawatan yang sama ke Sarawak beberapa hari sebelum meneruskannya ke negeri ini. Selain mendapat taklimat berhubung pengendalian program FMU di negeri ini oleh kakitangan kanan jabatan, mereka akan dibawa melawat ke pusat penyelidikan hutan di Dermakot, Telupid.

"Pelajar ini juga akan dibawa melawat kilang-kilang papan di bandar ini, sebelum mengadakan lawatan ke Kampus University Malaysia Sabah (UMS) di Kota Kinabalu," katanya di sini.

Beliau memberitahu, rombongan pusat pengajian tinggi di Jerman itu dijangka akan mengadakan perjanjian kerjasama di bidang perhutanan dengan pihak UMS sebagai satu usaha kedua-dua pihak bertukar-tukar maklumat dan pengetahuan berhubung program perhutanan dua negara.

Aktiviti sedemikian, kata Masniah, adalah sejajar dengan matlamat kunjungan penuntut tahun akhir daripada universiti tersebut untuk mendedahkan diri mereka dengan program pengurusan hutan yang diadakan di negara-negara tropika, termasuk Malaysia.

Bagi Jabatan Perhutanan Negeri, tegas Masniah, kunjungan pelajar itu akan mampu menyetengahkan lagi kejayaan-kejayaan pengurusan hutan yang mampu dilaksanakan oleh kerajaan negeri ini, selain dapat menawarkan peluang-peluang penyelidikan yang difikirkan berguna kepada kumpulan pelajar di negara-negara maju.

Malah untuk tujuan yang sama, kata Masniah, jabatannya akan menerima sekumpulan 22 pelajar lagi daripada sebuah universiti di negara Finland untuk mendapat pengetahuan khusus berhubung FMU secara lebih dekat, berbanding gambaran-gambaran luar yang diperolehi sebelumnya.